

Headline **Pokok Gaharu yang lumayan**  
Date **11 Sep 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Bisnes**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **I-58**  
Article Size **636 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,498**  
PRValue **10,494**



# Pokok Gaharu yang lumayan

*Dari batang, kulit, daun, bunga, buah dan rantingnya berharga*

## Mukadimah

Pokok Gaharu merupakan sejenis pokok yang hidup subur di hutan tropika dan telah dimanfaatkan oleh masyarakat dunia sejak dahulu lagi. Semua bahagian pokok gaharu bermula dari batang, kulit, daun, bunga, buah dan rantingnya digunakan untuk menghasilkan produk minyak wangi, ubat-ubatan, teh hijau dan kosmetik. Nama sains gaharu ialah *Aquilaria malaccensis*, bagaimanapun beberapa spesies lain dalam genus *Aquilaria* turut dikenali sebagai gaharu. Pokok gaharu boleh ditemui di Bangladesh; Bhutan; India; Indonesia; Iran; Laos; Malaysia; Myanmar; Filipina; Singapura; dan Thailand.

Industri gaharu menjanjikan pulangan yang lumayan. Nilai pasarannya mampu mencecah hingga RM18,000 sekilogram dan minyak gaharu dikatakan bernilai hampir RM48,000 seliter.

Melihat kepada potensi besar yang mampu diperolehi, pelbagai program dan usaha giat dilakukan pelbagai pihak bagi mengusahakan tanaman pokok gaharu ini.

## Kajian terus giat dijalankan

Di Malaysia, masyarakat Orang Asli biasanya akan masuk jauh ke dalam hutan untuk mengambil pokok gaharu. Ada kalanya mereka menceroboh kawasan hutan simpan.

Mengikut kajian, 400 pokok boleh ditanam di kawasan seluas 0.4 hektar dan boleh menghasilkan pendapatan sebanyak RM1.8 juta. Apabila mencapai usia antara 7 hingga 10 tahun, pokok gaharu mempunyai nilai antara RM5,000 hingga RM20,000 sepokok kerana semua bahagian pokok itu boleh digunakan untuk pelbagai produk.

Kajian mengenai kesesuaian penanaman pokok gaharu itu sedang dijalankan oleh beberapa agensi termasuk Lembaga Getah Malaysia. Kajian ini cuba mengenal pasti sama ada ia dapat menjadi tanaman sampingan di kebun kelapa sawit dan getah bagi menjana pendapatan alternatif kepada pekebun kecil.

Bagi memastikan tumbuhan ini

**SUSUNAN: SUHARNE ZAINUDIN**

dapat hidup secara kekal dan berterusan, terdapat beberapa usaha dilakukan pihak kerajaan dan individu

Headline **Pokok Gaharu yang lumayan**  
 Date **11 Sep 2011**  
 MediaTitle **Sinar Harian**  
 Section **Bisnes**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
 Page No **I-58**  
 Article Size **636 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **3,498**  
 PRValue **10,494**

dengan menanam tumbuhan ini di tanah-tanah persendirian dalam bentuk ladang ataupun secara tanaman bercampur. Usaha ini telah dilihat sebagai satu jalan penyelesaian terbaik dan dilihat boleh dikomersialkan secara giat.

## Diklasifikasi sebagai tumbuhan terancam

Kalau dulu tumbuhan ini hidup liar di hutan-hutan secara semula jadi dan kini ia telah menjadi salah satu 'aset' bernilai dan diburu oleh individu yang mengetahui nilai tingginya.

Penebangan secara rakus telah menyebabkan tumbuhan ini diklasifikasikan oleh badan dunia sebagai tumbuhan terancam dan mempunyai risiko kepupusan serius.

Seiring dengan penyelidikan yang telah dibuat oleh beberapa badan kerajaan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Lembaga Getah Malaysia dan melalui gabungan teknologi yang telah diambil dari negara jiran, Thailand, industri ini dilihat sangat berpotensi dan boleh memberi keuntungan yang besar.

## Banyak gelaran ikut etnik

Tumbuhan ini dikenali sebagai Gaharu atau Depu atau Karas atau Agarwood dan mempunyai banyak nama lain mengikut panggilan etnik dan bangsa. Perdagangan gaharu telah bermula sekian lama sehingga kini, ia masih digunakan secara giat terutama dalam penghasilan minyak wangi, haruman, perubatan dan sebagainya.

Permintaan yang tinggi di pasaran antarabangsa berbanding dengan pengeluaran yang terlalu minimum telah melonjakkan harga gaharu kepada satu angka yang sangat luar biasa.

## Proses terjadinya gaharu

Pada umumnya terdapat dua spesies pokok yang menghasilkan gaharu iaitu pokok karas (*Aquilaria*

spp.) dan cendana (*Gyrinops* spp.). Proses terjadinya gaharu apabila pokok yang mengalami luka atau diserang penyakit dan kulat yang menjangkiti pokok itu merebak ke dalam jaringan pembuluh kayu (vesel). Untuk terus hidup, kulat berkenaan akan menggunakan cairan sel dalam saluran pokok sebagai sumber tenaganya atau makanannya secara perlahan-lahan sehingga menyebabkan kurang atau terhentinya penghantaran makanan kepada daun.

Sel-sel yang isinya sudah dimakan oleh kulat akan membentuk suatu kumpulan sel mati pada jaringan pembuluh kayu. Hasil tindak balas kimia dalam kayu itu akan menghasilkan resin atau damar wangi yang dinamakan gaharu dan apabila dibakar akan mengeluarkan aromanya yang tersendiri.

Pokok karas yang mengeluarkan gaharu adalah dari famili Thymelaeaceae yang mana terdapat 25 spesies *Aquilaria* dijumpai di seluruh dunia.

## Habitat yang unik

Di Malaysia terdapat lima spesies utama iaitu *A. malaccensis*; *A. hirta*; *A. beccariana*; *A. rostrata*; dan *A. microcarpa*.

Terdapat tiga spesies kurang dikenali termasuk *A. brachyantia*; *A. cumingiana*; dan *A. crassna*. Menurut Pensyarah Fizik Kayu, Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Madya Dr Mohd Zin Jusoh, beberapa faktor harus dipertimbangkan dalam usaha penanaman pokok karas secara perladangan.

Antara faktor perlu diberi penekanan adalah, pemilihan anak benih, jarak tanaman, kaedah penanaman, kaedah suntikan dan pasaran.

Katanya, faktor berkenaan juga harus dinilai untuk meminimumkan risiko yang ada bertujuan mendapat hasil maksimum selepas tujuh tahun penanaman, selain harus meneliti semula kawasan penanaman kerana pokok karas memerlukan habitat unik berbanding pokok lain.

Sumber: <http://indgaharu.com>


& <http://www.majalah.com>.



Daun gaharu juga boleh membantu menyembuhkan penyakit cirit birit, angin dalam perut, menyembuhkan kanser dan penyakit lain.



Pokok gaharu dikatakan mempunyai nilai antara RM5,000 hingga RM20,000 sepokok kerana semua bahagian pokok itu boleh diguna untuk pelbagai produk.



Kayu gaharu juga digunakan untuk membuat minyak wangi selain teh dan kosmetik. Gambar Hiasan.



Permintaan untuk gaharu semakin tinggi walaupun pengeluaran semakin berkurangan, menyebabkan harganya semakin meningkat setiap tahun.



Headline **Pokok Gaharu yang lumayan**  
Date **11 Sep 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Bisnes**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **I-58**  
Article Size **636 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,498**  
PRValue **10,494**



Gaharu atau nama sainsnya, *Aquilaria malaccensis*, boleh ditemui di India, Indonesia Iran, Laos, Malaysia dan Myanmar.



Anak benih gaharu juga ada dijual untuk mereka yang ingin memulakan perniagaan itu.